

🕒 Lengkapi petikan dengan kata kerja yang sesuai.

membasuh    duduk    makan    bangun    berehat  
mandi    pulang    tiba    masuk    menggosok

Asmira (1) \_\_\_\_\_ daripada tidur pada pukul 6.00 pagi. Dia ke bilik air untuk (2) \_\_\_\_\_. Sebelum itu, dia (3) \_\_\_\_\_ gigi. Kemudian, dia memakai baju sekolah. Dia sarapan sebelum pergi ke sekolah. Dia (4) \_\_\_\_\_ dua keping roti dan minum segelas susu.

Pada pukul 7.30 pagi, dia (5) \_\_\_\_\_ di sekolah. Dia terus (6) \_\_\_\_\_ ke kelasnya. Dia (7) \_\_\_\_\_ di kerusinya dengan tertib. Dia belajar dengan tekun.

Pada pukul 12.30 tengah hari, Asmira akan (8) \_\_\_\_\_ ke rumah. Dia menukar pakaian sekolah. Dia (9) \_\_\_\_\_ tangan sebelum makan. Selepas itu, dia (10) \_\_\_\_\_ seketika.